

## **TEKS UCAPAN**

**Y.BHG. PROF. DR. ZULKIFILIE IBRAHIM**

**TNC (A&A) UTeM**

---

**Majlis Penyerahan Watikah MPP UTeM Sesi 2021/2022**



*10 Februari 2022, Auditorium Canselori 11.30 Pagi*

*اوینیورسیتی تیکنیکال ملیسیا ملاکو*

---

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

**Y.Bhg. Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**Y.Bhg. Prof. Madya Ir. Dr. Md. Nazri bin Othman**

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

**Y.Bhg. Prof. Madya Teknologis Mohd. Rahimi bin Yusoff**

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Yang dihormati barisan Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM sesi 2021/2022 yang diketuai oleh Saudara Muhammad Amri Hakimi bin Alias, selaku Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar bagi sesi 2021/2022 bersama barisan MPP yang baru dilantik.

Hadiri hadirat sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera



اوینیفرسیتی تیکنیکل ملیسیا ملاکا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1. Pertama sekali, saya ingin sampaikan salam dari Prof. Dr. Ghazali Omar, Menjalankan Fungsi Naib Canselor. Beliau mohon maaf kerana tidak dapat bersama-sama hadir ke majlis pagi ini kerana masalah kesihatan yang tidak dapat dielakkan. Beliau mendoakan agar majlis ini berjalan dengan lancar.
2. Justeru, saya akan menyampaikan ucapan beliau khas buat saudara saudari sekalian.
3. Alhamdulillah segala puji bagi Allah kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada pagi ini, kita dapat dipertemukan dalam Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM bagi sesi 2021/2022.

4. Semoga dengan adanya penyerahan watikah pelantikan ini, ia menjadi satu simbolik kepada usaha yang lebih bersemangat untuk menyandang tanggungjawab yang telah diamanahkan.
5. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Campus Election Committee (CEC), Pejabat Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama pihak Fakulti dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Pilihan Raya Kampus yang dikendalikan pada 14 Januari lepas.
6. Saya difahamkan sejumlah 50.6% siswa dan siswi sahaja yang terlibat dalam proses membuang undian PRK yang lepas. Peratusan ini masih lagi rendah daripada apa yang diharapkan, dan saya berharap agar Pejabat HEP dapat melaksanakan strategi dan inisiatif yang lebih agresif bagi memastikan peningkatan undian pada PRK akan datang.

7. Hasil keputusan PRK yang lepas, maka saudara saudari yang berada di hadapan saya inilah yang telah meraih kepercayaan daripada rakan-rakan anda untuk menggalas amanah sebagai barisan MPP kali ini bagi menyuarakan idea serta berkongsi pandangan yang sangat diperlukan oleh pihak Pengurusan Universiti. Syabas dan tahniah diucapkan!



Saudara Saudari Sekalian,

8. Ingin saya kongsikan sedikit fakta berkenaan MPP secara ringkas. Majlis Perwakilan Pelajar ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Fungsi utama penubuhan MPP adalah untuk menjadi agen perantara antara dua pihak, iaitu pihak Pengurusan Universiti dan pihak pelajar khususnya berkaitan dengan kebajikan dan keperluan pelajar. Ia juga menjadi bahan yang bertanggungjawab dalam merancang dan mengendalikan pelbagai aktiviti yang berfaedah bagi mewujudkan suasana kehidupan pelajar Universiti yang lebih ceria dan harmonis.

جامعة ملاكا التقنية

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

9. Saya juga menyeru agar saudara dan saudari memperuntukkan sedikit masa untuk membaca

Perlembagaan UTeM, P.U. (A) 470 yang boleh dimuat turun dari laman sesawang UTeM dan merujuk kepada Seksyen 57 yang menerangkan secara jelas berkenaan Majlis Perwakilan Pelajar.

10. Saya percaya bahawa saudara dan saudari juga sudah sedia maklum akan tanggungjawab dan peranan besar yang perlu dimainkan. Saya berharap agar peranan dan fungsi saudara dan saudari dapat menjadi penghubung erat antara pihak Universiti dan pelajar dalam mengurus tadbir Universiti yang kita kasih ini.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

11. Masyarakat kampus mahukan ahli-ahli perwakilan yang dipilih dari kalangan mereka yang mampu menggalas

peranan dan tanggungjawab sebagai pemimpin pelajar yang berkaliber serta tidak lupa tugas sebenar masing-masing datang ke Universiti untuk menimba ilmu dan peroleh kejayaan.

12. Semangat musyawarah dan muzakarah harus dijadikan amalan baik MPP dalam meneruskan agenda kebajikan pelajar. Tidak perlu menggunakan demonstrasi dan memecahbelahkan pelajar yang akhirnya hanya akan merugikan diri saudara dan saudari sendiri.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

13. Pihak universiti sentiasa membuka ruang bagi MPP untuk menyampaikan pandangan melalui saluran yang betul dan berhemah. Saya berharap agar perkara-perkara yang boleh

menjejaskan reputasi pelajar dan imej Universiti sentiasa menjadi perhatian dan ingatan pelajar agar ianya tidak berlaku.

14. Akhir kata, jika terdapat sebarang masalah dana pengurusan, tanya dan rujuklah kepada mereka yang berpengalaman, rujuklah Pejabat Hal Ehwal Pelajar malah boleh terus kepada Pejabat Naib Canselor. Semoga kerjasama antara pihak pengurusan Universiti dan MPP ini dapat diteruskan demi kebaikan kita semua khususnya kepada UTeM tercinta.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Gajah perang melawan gajah,  
Asyik dilihat si anak rusa,

MPP baru melangkah gagah,  
Hasrat hati menabur jasa,

Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr. wbth.

Terima kasih.

